

Sembang siswa dapat sambutan mahasiswa

UB 24.11.2012 B6

KOTA KINABALU: Kelab Sastera Mahasiswa (KARMA) terus aktif mengadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan siswa siswi Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah.

Terbaharu, kelab itu telah mengadakan Program Sembang Kopi dengan paparan topik 'Siswa Kini Jumud' bertempat di dewan mini Theatre Ahmad Nisfu SPS, UMS.

Program bual bicara santai berbentuk ilmiah itu mendapat sambutan hangat dalam kalangan para peserta apatah lagi panel jemputan yang menjayakan program itu adalah siswa siswi yang banyak berjasa dalam pengurusan kepimpinan mahasiswa UMS.

Mereka ialah bekas Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS sesi 2011/2012, Khalil Sabu, MPP 2012/2013,

Fairuz Fadhilah Hamidi dan Timbalan Presiden MPP 2012/2013, Jumrat Minsun.

Sembang Kopi yang diadakan pada kali ini secara tidak langsung telah menjadi medan melontarkan pendapat dan berkongsi pandangan peribadi para mahasiswa sendiridalam memperkatakan isu mengenai 'Siswa Kini Jumud'.

Lebih menarik lagi, panel jemputan dan penonton yang hadir sama-sama menunjukkan minat yang mendalam ketika membicarakan topik yang menjurus kepada perkara berkaitan keintelektualan dan jati diri para mahasiswa.

Tidak cukup dengan pandangan rasional yang diberi, para panel juga tidak putus-putus diajukan dengan pelbagai soalan tentang isu-isu kampus yang sememangnya kerap melanda pemikiran para mahasiswa tetapi tidak berpeluang untuk mengutarakannya.

Seiring dengan misi yang dibawa, Sembang Kopi kali ini sedikit sebanyak membantu para generasi muda yang bakal mewarisi tampuk pemerintahan negara ini untuk sama-sama berfikir serta menyedari setiap kelemahan yang perlu diperbaiki dan kekuatan yang perlu ada pada diri individu bergelar mahasiswa.

Topik 'Siswa Kini Jumud' dihidangkan dalam diskusi ilmiah yang berlangsung penuh kehangatan itu sejajar dengan kesedaran sebahagian mahasiswa yang diwakili oleh penuntut-penuntut Tahun Dua Bidang Penulisan SPS (UMS) mengenai sejauh mana isu itu telah bertapak dalam kalangan mahasiswa dan resolusi yang perlu dicapai.

Ketika diajukan soalan mengenai kejumudan mahasiswa berpunca daripada sikap tidak peka dan tidak mahu ambil tahu isu luar kuliah atau luar kampus, Jumrat menyatakan sesetengah mahasiswa kini kurang menganalisa isu-isu rakyat, negara, malah isu dalam kampus sendiri dan hanya melihat sesuatu perkara itu dari satu sudut pandangan sahaja.

"Mereka tidak mahu menerima pendapat dan



MAJLIS penyampaian cenderahati kepada panel jemputan.

kadangkala memberikan pendapat tanpa membuat analisa terlebih dahulu sesuatu perkara itu," katanya.

Menurut Jumrat, terdapat segelintir pensyarah pula kurang memahami apabila pelajar itu terlibat dengan pelbagai komitmen selain akademik.

"Malah saya sendiri juga turut mengalami pengalaman yang sama. Oleh itu, terdapat sebahagian pelajar mula mengambil pendekatan untuk tidak menyertai apa-apa aktiviti sehingga menimbulkan isu jumud ini," katanya.

Sebagai mantan presiden MPP yang sememangnya matang dengan pengalaman dunia kepimpinan kampus, Khalil Sabu mempunyai pendiriannya tersendiri tentang isu siswa jumud ini.

Dihulurkan soalan mengenai adakah kejumudan para penuntut mempunyai kaitannya dengan diskriminasi pihak atasan terhadap penuntut seperti tidak mahu menerima aduan mereka dan sebagainya.

"Apa yang utama adalah bagaimana caranya yang perlu kita sebagai individu bergelar mahasiswa lakukan agar suara dan pendapat kita itu didengar. Manakala bagi pihak atasan pula adalah penting bagaimana sesuatu isu diperjelaskan kepada pihak bawahan iaitu pelajar," katanya.

Fairuz pula berpendapat tidak semua mahasiswa itu jumud, justeru para mahasiswa bukan hanya pandai bersuara tetapi dalam masa yang sama pandai menyelesaikannya agar isu jumud tidak berterusan menapak dalam kalangan mahasiswa.

"Mahasiswa perlu sedar bahawa apabila mereka mengkritik sesuatu isu itu, mereka seharusnya perlu mengemukakan resolusi atau jalan penyelesaian mengenainya," katanya.

Kerancangan Sembang Kopi turut menyentuh langkah-langkah yang mungkin dapat dilakukan dalam penyelesaian isu-isu kampus.

Dalam hal itu, Jumrat mencadangkan agar isu berkenaan diselesaikan melalui suatu perkumpulan kesemua pemimpin pelajar lalu mengadakan perbincangan mencari resolusi.

"Seterusnya, kita usulkan suatu kertas kerja yang lengkap dengan setiap analisa yang telah dibuat terhadap sesuatu isu yang diutarakan itu kepada pihak atasan. Dengan ini, mungkin pandangan mahasiswa akan mudah diterima," katanya.

Sembang Kedai Kopi kali ini dikendalikan sepenuhnya oleh kesemua ahli KARMA yang menuntut di tahun dua bidang Penulisan Program Seni Kreatif SPS.



TERTARIK dengan topik bual bicara, panel jemputan begitu bersemangat menyuarakan pandangan masing-masing.